

Babitkan 1,136 kes penyeludupan bernilai RM86.4 juta

# Polis lipat ganda banteras bolos

Oleh MASZUREEN HADZMAN dan MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI

**KUALA LUMPUR:** Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) merekodkan sebanyak 1,136 kes penyeludupan, migran dan khazanah negara dengan rampasan sebanyak RM84.6 juta.

Dalam tempoh sama juga, se-

banyak 1,622 tangkapan dilakukan terhadap sindiket-sindiket terlibat.

Pengaruhnya, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, berdasarkan statistik, jumlah kes dan tangkapan meningkat namun jumlah rampasan menurun akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat ancaman Covid-19.

Jelasnya, dari jumlah kes yang

direkodkan, sebanyak 822 kes membabitkan penyeludupan rokok, arak, dadah dan minyak diesel, diikuti kes migran (235) dan khazanah negara (79).

“Dalam pada itu, sebanyak 94 tangkapan dilakukan pihaknya membabitkan RM8.3 juta rampasan dalam Operasi Bersepadu Khazanah Negara diikuti 735 individu lagi diberkas terlibat dalam penyeludupan migran.

“Kita akan memberi tumpuan untuk melipatgandakan usaha kejayaan termasuk meletakkan sasaran rampasan berjumlah RM500 juta,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Justeru, Acryl Sani membezitahu, operasi secara konsisten akan dilakukan dalam usaha memastikan ketenteraman awam terjamin dan sempadan negara terkawal daripada seba-

rang aktiviti pencerobohan.

*Utusan Malaysia* dalam laporannya semalam mendedahkan 60 peratus kemasukan barang terlarang seperti rokok dan arak seludup berlaku di pelabuhan di seluruh negara.

Antara pelabuhan panas dikaitkan dengan penyeludupan adalah pelabuhan di Selangor, Pulau Pinang; Johor dan Sarawak.



**KONTENA-KONTENA** di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth, Pulau Pinang. Pelabuhan di kawasan seluas 42 hektar itu mempunyai kapasiti lebih 10,000 ruangan kontena. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR